

APA YANG TERJADI?

Pada 11 Jun 2016, seorang pekerja lelaki warga Myanmar menahan kesakitan hampir dua jam selepas tangan kirinya tersepit pada mesin pemotong besi di sebuah kilang. Mangsa dikatakan cuba mengambil peralatan yang terjatuh ke dalam mesin membuat komponen pendingin hawa itu sebelum tangannya tersepit. Mangsa baru 10 hari bekerja di kilang terbabit dan bernasib baik kerana ada seorang pekerja pantas menekan butang kecemasan dan menghentikan operasi mesin terbabit,

PUNCA?

- Kecuaian dalam mengendalikan mesin
- Kekurangan pengalaman
- Ketidadaan pengawasan yang mencukupi untuk pekerja baru
- Kesalahan dalam prosedur keselamatan

KESAN KEJADIAN:

- Kecederaan fizikal (kecederaan tisu, patah tulang, atau kecederaan pada saraf)
- Kematian
- Trauma

APA YANG BOLEH DIPELAJARI?

- Pekerja baru perlu diberi latihan secukupnya dan pemahaman yang lengkap sebelum mengendalikan sebarang mesin.
- Prosedur Kerja Selamat (SOP) perlu dipamerkan di setiap mesin
- Pengawasan dan bimbingan yang berterusan oleh pihak atasan atau penyelia
- Selain latihan dan prosedur, tempat kerja boleh menyediakan alat tambahan yang membantu melindungi pekerja, seperti pelindung mesin atau peranti keselamatan lain untuk mengelakkan kejadian seumpama ini

Reference: Berita Harian, 11 Jun 2016

VOL 1/2025 - JANUARY 2025

HSSE LESSON LEARNT

TANGAN TERSEKIT DALAM MESIN PEMOTONG BESI



#NOKSELAMATSOKMO
FOR MYSELF | FOR MYFAMILY | FOR MYFUTURE
ZERO LTI, ZERO SPILL, ZERO HARM